

10 FEB 2003

NAM-Colombia (Bergambar)/I

NAM PERLU RUMUSKAN INISIATIF, STRATEGI BARU

Oleh: Harlina Samson

KUALA LUMPUR, 10 Feb (Bernama) -- Kesemua 114 negara anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) perlu merumuskan inisiatif baru dan strategi kukuh bagi membolehkan mereka memainkan peranan proaktif dalam hubungan antarabangsa dan politik global.

Duta Colombia ke Malaysia Fernando Marin Valencia berkata dengan mempunyai sasaran, strategi dan prosedur yang jelas, pergerakan itu boleh berdepan dan menyelesaikan isu-isu global secara aktif.

"Colombia percaya bahawa NAM boleh menjadi ejen yang amat penting dalam definisi orde antarabangsa yang adil dan saksama.

"Pergerakan ini tidak boleh mengamalkan sikap untuk sekadar bertindak terhadap isu-isu yang timbul dan dasar-dasar yang diguna pakai oleh negara-negara maju," katanya kepada Bernama semasa ditemubual sebelum Sidang Kemuncak NAM ke-13 yang akan berlangsung di sini dari 20 hingga 25 Feb.

Dalam konteks ini, beliau berkata Colombia berpendapat pergerakan itu perlu memperhalusi semula agendanya secara rasional yang akan membolehkan pergerakan itu bertindak sebagai jurucakap bertauliah dunia dalam forum antarabangsa.

Duta itu berkata "saling bekerjasama dalam menyediakan kaedah kerja bukan sahaja selaras dengan budaya NAM" malah ia juga merupakan sesuatu yang positif bagi idea inovatif untuk disebarluaskan dalam senario antarabangsa.

Beliau berkata Colombia, sebagai sebuah daripada negara yang mempengerusikan NAM sebelum ini, terus yakin dengan kesahan dan kepentingan prinsip-prinsip yang mengilhamkan kewujudan NAM, seperti menghormati hak asasi manusia dan undang-undang antarabangsa, saksama, tiada campurtangan, penyelesaian konflik secara aman dan kerjasama di antara negara-negara.

"Colombia berpendapat NAM sebagai satu kuasa politik dan moral bagi negara-negara terbabit yang sedang menuju pembangunan," katanya dan menegaskan bahawa pergerakan itu relevan dalam mengeseimbangkan negara-negara miskin dan kaya.

Colombia menjadi tuan rumah sidang kemuncak pergerakan itu pada 1995 di Cartagena manakala sidang kemuncak lepas diadakan di Durban, Afrika Selatan pada 1998.

Valencia, yang mula bertugas di sini enam bulan lepas, melahirkan keyakinan bahawa Sidang Kemuncak Kuala Lumpur bertema "Meneruskan Penyuburan Semula NAM" dapat meningkatkan kehadiran pergerakan itu dalam forum pelbagai hala dan mencari kedudukan bersama dalam rundingan pelbagai hala.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan bahawa penyuburan dan peningkatan pergerakan itu juga akan bergantung kepada iltizam politik negara-negara anggotanya.

Sambil mengucapkan selamat maju jaya kepada Malaysia dalam mempengerusikan sidang kemuncak itu, beliau yakin dengan pengalaman antarabangsa dan keupayaan kepimpinan Malaysia, negara itu dapat menerajui pergerakan itu dengan baik.

"Malaysia adalah sebuah negara yang amat penting dan ia berupaya membangunkan dirinya menjadi antara yang paling berjaya di kalangan negara-negara membangun. (Perdana Menteri) Dr Mahathir (Mohamad) adalah seorang pemimpin yang baik dan kami yakin bahawa Malaysia mampu melakukan kerja dengan baik dalam menerajui NAM bagi tiga tahun akan datang,"

katanya.

Mengenai sama ada terdapat keperluan untuk mempunyai sekretariat tetap bagi pergerakan itu, Valencia berkata kemungkinan untuk mewujudkan sekretariat semumpama itu telah dibincangkan beberapa kali, tetapi tiada persetujuan dicapai.

Oleh kerana pergerakan itu telah mampu bertahan selama 42 tahun tanpa sebuah sekretariat tetap, Colombia percaya ia akan menimbulkan beberapa masalah seperti sumbangan kewangan dan memilih birokrasi, katanya.

Mengenai peranan NAM dalam menangani beberapa isu global seperti keganasan dan ancamannya, unilateralisme, ketidakseimbangan antara negara kaya dan miskin, beliau berkata cabaran-cabaran semasa itu bersifat merentasi sempadan.

"Untuk menghadapi cabaran-cabaran itu, satu-satu jawapannya ialah kerjasama antarabangsa. Tiada sebuah negara boleh mengendalikan cabaran-cabaran itu secara bersendirian," katanya.

Valencia berkata NAM juga patut menimbangkan aspek "politik" isu-isu ekonomi kerana wujud trend untuk menyerahkan dorongan utama pembangunan ekonomi kepada kuasa pasaran.

Menyatakan bahawa terdapat masalah yang terus tidak dapat diselesaikan seperti masalah hutang, yang merupakan perkara ekonomi, katanya tidak akan dapat diselesaikan tanpa azam politik.

NAM telah cuba sebelum ini untuk mewujudkan mekanisme berlainan bagi kerjasama ekonomi di kalangan anggotanya, tetapi tidak begitu berjaya.

Namun, katanya mesyuarat-mesyuarat NAM merupakan peluang yang amat baik bagi hubungan diplomatik dan ekonomi di kalangan negara-negara anggota kerana kebanyakan mereka tidak mempunyai kapasiti untuk mempunyai pejabat diplomatik di semua negara lain.

Mengenai sama ada NAM menghadapi kesukaran untuk mencapai persetujuan mengenai isu-isu kerana sejumlah anggota dalam pergerakan itu mengelak daripada berbuat demikian, Valencia berkata ia bukan kerana jumlah anggotanya tetapi ekoran perbezaan pendapat dalam isu-isu dua hala.

NAM, yang mengadakan sidang kemuncak pertamanya di Belgrade pada 1961 dan kini mempunyai 114 negara anggota dari Afrika, Asia, Amerika Latin dan Caribbean, ditubuhkan ketika kemuncak Perang Dingin oleh negara-negara yang mahu bebas daripada pengaruh Blok Barat yang diterajui Amerika Syarikat dan Blok Timur yang dikawal Soviet Union.

-- BERNAMA

HS MFJ RHM